



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI KEUPAYAAN,  
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN KETELUSAN  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON COMPETENCE,  
ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY-SELCAT)  
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG  
“ISU KUALITI AIR LOMBONG UNTUK KEGUNAAN  
RAKYAT SELANGOR”.**

---



Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency-SELCAT), Dewan Negeri Selangor berhubung "Isu Kualiti Air Lombong untuk Kegunaan Rakyat Selangor."

## 1. MUKADIMAH

- 1.1. SELCAT telah mengadakan pendengaran tertutup pada 10hb Jun 2014, 7hb Ogos 2014, 12hb Ogos 2014 bagi menyiasat sama ada kualiti sumber air alternatif dari bekas lombong selamat digunakan kerana publisiti negatif di dalam media yang berpunca daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh New Straits Times dan kerisauan mengenai keselamatan kualiti air sumber air alternatif tersebut oleh Y.B. Charles Santiago (Ahli Parlimen Klang) dan Y.B. Wong Chen (Ahli Parlimen Kelana Jaya).
- 1.2. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana terdapat percanggahan kenyataan berkenaan kualiti sumber air alternatif dari bekas lombong yang sekiranya benar boleh menimbulkan masalah kesihatan serius dan juga untuk mengelakkan situasi panik oleh rakyat negeri Selangor kerana meragui keselamatan bekalan air. Oleh kerana kesuntukan masa, sidang Dewan yang akan bermula pada 16hb Jun 2014 dan masalah logistik yang berkaitan, pendengaran tertutup diadakan untuk menyegerakan usaha mencari kebenaran dan fakta mengenai isu ini.
- 1.3. Oleh yang demikian, sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas yang dipertanggungjawabkan untuk memantau keupayaan, akauntabiliti dan ketelusan mana-mana agensi Kerajaan Negeri, SELCAT berpendapat ianya wajar untuk mengadakan pendengaran tertutup mengenai isu ini untuk mencari kebenaran, fakta dan sekaligus membetulkan persepsi rakyat terhadap isu ini.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pada bulan Januari-April 2014, Malaysia mengalami musim kemarau yang paling teruk dalam sejarah. Akibat kemarau terdapat kekurangan limpahan hujan (*rainfall*) di tempat takungan air menyebabkan paras air di dalam empangan Sungai Selangor yang membekalkan air kepada 60% penduduk Selangor turun ke paras terendah iaitu 36%.
- 2.2. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor setelah menerima nasihat daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Kimia Malaysia (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat keputusan untuk melepaskan air bekas lombong ke dalam Sungai Selangor untuk kemudiannya dirawat di loji rawatan air.
- 2.3. Y.B. Charles Santiago kemudian menimbulkan kerisauan beliau bahawa air tersebut tidak selamat untuk digunakan kerana mengandungi logam berat yang beracun kepada manusia dan bahawa loji rawatan air tidak mampu menapisnya keluar. Ujian persendirian yang dilakukan oleh New Straits Times juga mengatakan bahawa air bekas lombong di Bestari Jaya mengandungi kandungan logam berat yang tinggi.

### 3. PENUKARAN AHLI JAWATANKUASA

3.1. Laporan jawatankuasa SELCAT ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa sepertimana pada 26hb September 2014 setelah dua ahli Jawatankuasa SELCAT meletakkan jawatan:

3.1.1. Y.B. Tuan Mohamad Azmin bin Ali yang meletakkan jawatan pada 26hb September 2014 setelah dilantik sebagai Menteri Besar Selangor pada 23hb September 2014; dan

3.1.2. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad yang meletakkan jawatan pada 26hb September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) pada 26hb September 2014

3.2. Ahli Jawatankuasa sebagaimana 3hb November 2014:

3.2.1. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (ADN Kawasan Subang Jaya)	Pengerusi
3.2.2. Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Ahli
3.2.3. Y.B. Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan)	Ahli
3.2.4. Y.B. Tuan Dr.Abd Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru)	Ahli
3.2.5. Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak S.M.S., P.P.N. (ADN Kawasan Permatang)	Ahli

3.3. Pada masa Pendengaran Tertutup ini berlangsung, segala keterangan yang dilaporkan di dalam Laporan Jawatankuasa ini dihadiri dan didengar oleh ahli Jawatankuasa SELCAT yang sebelum ini seperti berikut;

3.3.1. Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (ADN Kawasan Subang Jaya)	Pengerusi
3.3.2. Y.B. Haji Saari bin Sungib (ADN Kawasan Hulu Kelang)	Ahli
3.3.3. Y.B. Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan)	Ahli
3.3.4. Y.B. Tuan Dr.Abd Rani bin Osman (ADN Kawasan Meru)	Ahli
3.3.5. Y.B. Tuan Mohamad Azmin bin Ali (ADN Kawasan Bukit Antarabangsa)	Ahli
3.3.6. Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak S.M.S., P.P.N. (ADN Kawasan Permatang)	Ahli
3.3.7. Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (ADN Kawasan Seri Setia)	Ahli

#### 4. PENDENGARAN TERTUTUP PERTAMA SELCAT PADA 10HB JUN 2014

4.1. Sebanyak 9 saksi termasuk Y.B. Dr. Ahmad Yunus b. Hairi, EXCO Kerajaan Negeri Selangor telah dipanggil tetapi hanya 5 saksi yang telah hadir memberikan keterangan pada 10hb Jun 2014:

- 4.1.1. En. Hj Md Khairi b. Selamat;  
Pengarah LUAS  
(membawa bersamanya wakil-wakil Jabatan Kimia Malaysia (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia KKM)
- 4.1.2. Y.B. Tn. Charles Santiago  
Ahli Parlimen Klang
- 4.1.3. Y.B. Tn. Wong Chen  
Ahli Parlimen Kelana Jaya
- 4.1.4. En. Ahmad Latif Mahamud  
Ketua Seksyen Air,  
Jabatan Kimia Malaysia
- 4.1.5. En. Isalsi bin Jahro  
Penolong Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.

#### 4.2. KETERANGAN Y.B. CHARLES SANTIAGO

4.2.1. Berdasarkan artikel penyelidikan *Chemical Speciation and Potential Mobility of Heavy Metals in the Soil of Former Tin Mining Catchment* [The Scientific World Journal Volume 2012, Artikel ID 125608, 14hb November 2011] oleh M.A.Ashraf, M.J.Maah dan I.Yusoff dan *Study of Water Quality and Heavy Metals in Soil & Water of Ex-Mining Area Bestari Jaya, Peninsular Malaysia* oleh Muhammad Aqeel Ashraf, Mohd. Jamil Maah dan Ismail Bin Yusoff, [International Journal of Basic & Applied Sciences IJBAS-IJENS Vol 10 No.03 Jun 2010], Y.B. Charles Santiago mengatakan bahawa rangkaian kolam bekas lombong di Bestari Jaya mengandungi kandungan logam berat yang tinggi dan tidak selamat untuk disalurkan ke dalam Sungai Selangor untuk dirawat di loji rawatan air kerana loji-loji rawatan air di Malaysia tidak mampu untuk menapis keluar kandungan logam berat tersebut.

#### 4.3. KETERANGAN Y.B. WONG CHEN

4.3.1. Y.B. Wong Chen mengatakan bahawa beliau difahamkan oleh Prof Muhammad Aqeel Ashraf bahawa usaha untuk rehabilitasi dan membersihkan air kolam bekas lombong perlu dilakukan sebelum air tersebut boleh disalurkan ke dalam Sungai Selangor untuk dirawat. Ianya akan mengambil masa 6 bulan hingga 3 tahun. Beliau melaporkan bahawa New Straits Times telah membuat siasatan sendiri dan mendapati air tersebut tidak selamat untuk digunakan sebagai sumber air alternatif.

4.3.2. Beliau mengatakan walaupun penemuan ujian terhadap sampel air di loji rawatan air tidak mendapati apa-apa kesan logam berat, tetapi beliau difahamkan bahawa loji rawatan air tidak berkemampuan untuk menapis keluar bahan-bahan tersebut.

4.3.3. Beliau mencadangkan supaya usaha rehabilitasi dan pembersihan air semua kolam bekas lombong dilakukan sebelum digunakan sebagai sumber air alternatif.

#### 4.4. KETERANGAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS), JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR (JKNS), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) DAN JABATAN KIMIA MALAYSIA (JKM)

4.4.1. Pengarah LUAS telah membawa bersama saksi atau pegawai dari KKM dan JKM dan menerangkan bahawa Jawatankuasa Pasukan Petugas Sumber Air Alternatif telah ditubuhkan pada tahun 2005 untuk mengenalpasti kolam bekas lombong yang sesuai untuk dijadikan sumber air alternatif di Daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat.

4.4.2. Jawatankuasa berperanan untuk mengenalpasti dan memastikan kolam, tasik, bekas lombong dan sumber air bumi bagi tujuan bekalan air semasa krisis air atau kemarau.

4.4.3. Pada 2 Disember 2009, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan bagi cadangan pewartaan sumber air alternatif sebagai zon perlindungan di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999.

4.4.4. LUAS telah mengepam air dari kolam Kampung Hang Tuah sahaja [dan bukan dari semua lombong-lombong di kawasan kolam Bestari Jaya] ke dalam Sungai Selangor pada 26hb Februari 2014 hingga 6hb April 2014 kerana paras air empangan Sungai Selangor yang sangat rendah iaitu pada 36.39% daripada kapasiti penuh.

4.4.5. Cara ujian kualiti air dilakukan adalah seperti berikut:

4.4.5.1. Ujian sampel air dilakukan di dua lokasi berlainan;

4.4.5.1.1. Sebelum pengepaman dilakukan dari lombong; dan

4.4.5.1.2. Selepas air dirawat di loji rawatan;

4.4.5.2. Sampel air diambil oleh LUAS bersama KKM untuk diuji dan sampel tersebut akan dihantar kepada JKM untuk ujian di makmal. JKM setelah menjalankan ujian akan menghantar laporan ujian kepada KKM untuk mengenalpasti sama ada kualiti air mematuhi piawaian KKM ataupun tidak.

4.4.5.3. Pengambilan sampel dan ujian kualiti air bagi kolam Kampung Hang Tuah dilakukan setiap minggu dan telah didapati sesuai untuk dipam ke dalam Sungai Selangor dan ia mematuhi had piawaian air mentah oleh KKM.

- 4.4.5.4. Menurut wakil KKM, cara sampel diambil dan diuji mematuhi piawaian KKM yang menetapkan piawaian tersebut berdasarkan garis panduan World Health Organisation (WHO) (*Guidelines for Drinking-Water Quality, 4th Edition*). Piawaian ini digunapakai di peringkat negeri dan daerah di seluruh negara.
- 4.4.6. Selangor akan mengalami kekurangan air yang kritikal sekiranya air kolam-kolam bekas lombong tidak diambilkira sebagai sumber air waktu kritikal sekiranya perlu sahaja.
- 4.4.7. Selangor sebagai negeri yang kaya dengan air mentah pada masanya ada lebihan yang perlu diuruskan dan dikumpulkan di dalam kolam takungan untuk mengoptimumkan kegunaan sumber air di Lembangan Sungai Selangor. Selagi sumber air di dalam kolam takungan itu masih ada, sumber air alternatif kolam bekas lombong tidak akan digunakan.
- 4.4.8. Jawapan kepada dakwaan Y.B. Charles Santiago
- 4.4.8.1. LUAS telah menjalankan ujian di air kolam sumber air alternatif kolam-kolam bekas lombong dan mendapati ianya menepati piawaian KKM untuk disalurkan ke Sungai Selangor dan dirawat di loji rawatan air. Laporan 100 lebih kolam di Bestari Jaya yang diberikan Y.B. Charles Santiago tidak termasuk dalam kawasan kolam yang diambil oleh LUAS pada masa tersebut. Keterangan dan usaha yang diberikan oleh LUAS hanya tertumpu kepada kolam Kampung Hang Tuah manakala laporan-laporan akademik meliputi kolam-kolam yang diberikan oleh Y.B. Charles Santiago & Y.B. Wong Chen adalah lebih luas.
- 4.4.8.2. LUAS juga tidak pasti sama ada sampel yang diambil oleh pihak lain dijaga dengan cara yang betul dan boleh menyebabkan keputusan berubah. Bagi pihak LUAS, mereka telah memanggil NGO-NGO, dan universiti-universiti tempatan untuk membuat penjelasan dan mendengar pandangan mereka sebelum mengenalpasti sumber air alternatif kolam bekas lombong yang boleh digunakan.
- 4.4.8.3. Sebelum sampel air diambil, LUAS akan memberi notis kepada KKM sekurang-kurangnya dua minggu sebelum hari yang berkenaan mengenai lokasi pengambilan sampel air setelah ditentukan oleh LUAS.
- 4.4.8.4. Kolam-kolam yang disenaraikan di dalam senarai sumber air alternatif telah diwartakan sebagai zon perlindungan untuk dibuat pemantauan dan penguatkuasaan. LUAS sedang menyediakan kertas kepada MMKN mengenai strategi untuk menjaga kolam-kolam bekas lombong ini bukan sahaja untuk tujuan bekalan air minuman dan kegunaan umum harian, tetapi termasuk kolam-kolam bekas lombong bertujuan untuk rekreasi dan sebagainya.
- 4.4.8.5. Pihak LUAS juga mengatakan bahawa mereka bersedia untuk meneliti kajian yang telah dibuat oleh beberapa institusi termasuk mengambil sampel di tempat yang dilaporkan oleh ahli-ahli akademik

tersebut dan mengkaji semula kerana tempat sampel yang didakwa tidak selamat adalah berbeza dengan lokasi sampel yang LUAS lakukan.

#### 4.5. PENEMUAN JAWATANKUASA

4.5.1. Pandangan Y.B. Charles Santiago dan Y.B. Wong Chen mengenai perlunya usaha-usaha dan inisiatif untuk rehabilitasi dan pembersihan air bekas lombong adalah satu cadangan yang patut diikuti untuk memastikan sumber air alternatif Selangor ini adalah selamat bukan sahaja sebagai sumber bekalan air, tetapi pusat rekreasi dan sebagainya.

4.5.2. Pada ketika pendengaran tertutup ini dijalankan, jawatankuasa ini mengambil maklum bahawa penggunaan air bekas lombong daripada Kolam Kampung Hang Tuah adalah selamat kerana mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh KKM yang juga berlandaskan piawaian air mentah WHO berdasarkan pengesahan daripada wakil KKM dan JKM yang hadir.

4.5.3. Jawatankuasa mendapati bahawa LUAS tidak memberikan penjelasan yang jelas dan terbuka kepada orang awam pada setiap tahap sehingga menyebabkan berlaku salah faham yang boleh membawa kepada situasi panik di negeri Selangor mengenai keselamatan air yang dibekalkan oleh pihak berkuasa di negeri Selangor.

4.5.4. Jawatankuasa juga mendapati bahawa kegagalan MMKN untuk memberikan maklumat tepat dan kerap adalah antara penyebab penyebaran maklumat yang tidak tepat mengenai status kualiti bekalan air di negeri Selangor dan juga gagal menjemput Y.B. Charles Santiago dan Y.B. Wong Chen sebagai wakil rakyat untuk berbincang.

### 5. PENDENGARAN TERTUTUP KEDUA SELCAT BERTARIKH 7HB OGOS 2014

5.1. Sebanyak 2 orang saksi yang hadir memberikan keterangan pada 7hb Ogos 2014 untuk memberikan keterangan mengenai artikel akademik yang dirujuk oleh Y.B. Wong Chen dan Y.B. Charles Santiago :

5.1.1. Prof. Dato' Dr. Mohd. Jamil Maah  
 Profesor Jabatan Kimia,  
 Fakulti Sains  
 Universiti Malaya

5.1.2. Dr. Muhammad Aqeel Ashraf  
 Pensyarah Kanan Jabatan Geologi,  
 Fakulti Sains  
 Universiti Malaya



## 5.2. KETERANGAN PROF. DATO' DR. MOHD. JAMIL MAAH DAN DR. MUHAMMAD AQEEL ASHRAF

- 5.2.1. Proses pensampelan air untuk tujuan akademik telah dilakukan di sesetengah kolam-kolam bekas lombong untuk mendapatkan kajian asas (baseline study) sekiranya terdapat cara untuk menyelesaikannya. Kawasan yang dipilih adalah kolam-kolam bekas lombong di Bestari Jaya (Batang Berjuntai) iaitu kawasan bekas aktiviti perlombongan diadakan. Mereka menunjukkan Sungai Selangor, Sungai Air Hitam dan lembangan kolam-kolam yang bersambung dengan saluran air sungai.
- 5.2.2. Daripada kawasan operasi perlombongan kapal korek, operasi pam kelikir, palong lubang lombong yang pernah terdapat di kawasan Bestari Jaya dan sungai di mana terdapat 85 kolam, mereka mengkaji 4 kolam sahaja.
- 5.2.3. Mereka membuat pensampelan daripada tumbuhan-tumbuhan untuk menentukan sama ada tumbuhan tersebut dapat menyerap mineral-mineral ataupun tidak. Jika ya, jadi ia boleh digunakan untuk menyerap logam-logam berat dan dibakar untuk mengeluarkan kandungan logam berat tersebut secara semulajadi.
- 5.2.4. Mereka menggunakan Hydrolab MS5, Water Sampler, dan Sediment Sampler untuk menguji sampel kandungan pH air di kawasan ujian dan mengambil sampel mendapan kolam bekas lombong tersebut. Pensampelan mendapan air kolam bekas lombong dilakukan terhadap setiap lapisan mendapan dan juga air kolam bekas lombong. Sampel tersebut kemudian dibawa ke makmal Jabatan Kimia.
- 5.2.5. Piawaian keselamatan memerlukan 43 parameter sebelum air tersebut dianggap selamat untuk kegunaan awam. Mereka membuat data ini 2 tahun yang lepas untuk KKM tetapi tidak dibenarkan untuk diberikan dan mereka juga merekabentuk parameter untuk Malaysia.
- 5.2.6. Piawaian keselamatan Malaysia adalah lebih tinggi. Piawaian antarabangsa untuk warna misalnya adalah 15 tetapi piawaian Malaysia adalah 17. Berdasarkan nilai yang tercatat di jadual perbezaan pH di kolam Bestari Jaya adalah normal untuk air kolam bekas lombong. Data tersebut adalah nilai purata untuk 4 kolam yang dibuat kajian.
- 5.2.7. Mereka juga telah membuat kajian terhadap kandungan lisu ikan yang hidup di dalam kolam bekas lombong untuk memastikan sama ada mematuhi Akta Makanan Malaysia 1983, dan mendapati bahawa sesetengah ikan mempunyai kandungan plumbum yang tinggi di dalam tisu ikan-ikan tersebut. Walaupun ikan tersebut hidup tetapi kandungan logam berat boleh masuk ke dalam badan manusia dan menyebabkan keracunan logam berat.
- 5.2.8. Di Malaysia, penemuan hasil kajian air kolam bekas lombong adalah lebih kurang sama, 10% variasi.

- 5.2.9. Kebanyakan air kolam bekas lombong adalah dalam kategori air Kelas III di mana air tersebut perlu dirawat sebelum digunakan; Air kelas I adalah air yang bersih dan tidak perlu dirawat; kelas II air yang boleh dirawat dengan loji rawatan air konvensional; Kelas IV irigasi, Kelas V tidak boleh dipakai langsung dan ikan mati;
- 5.2.10. Selangor hanya memerlukan air lombong untuk mengalir ke dalam Sungai Selangor untuk memastikan terdapat percairan yang mencukupi untuk membuat air itu selamat untuk diproses. Arsenik misalnya memerlukan nisbah 100 bahagian air terhadap 1 bahagian arsenik untuk dicairkan secara selamat. Kepekatan arsenik tersebut semestinya berkurangan.
- 5.2.11. Di muka sauk, Puncak Niaga Sdn Bhd akan merawat air, kemudian mereka akan mengujinya, dan Puncak Niaga Sdn Bhd mesti memastikan bahawa kesemua 43 piawaian air telah dipatuhi. Sekiranya tidak dipatuhi, mereka tidak akan mengepam air tersebut kepada pengguna. Mereka mempunyai buku log yang mengandungi kesemua ujian air yang mereka lepaskan. Terdapat titik ujian di semua peringkat.
- 5.2.12. Sekiranya terdapat tanda merah yang menunjukkan bahawa had piawaian tidak dipatuhi dan melebihi had, mereka akan memberitahu KKM dan pengepaman akan dihentikan. Tambahan lagi, ujian rasa dan warna air juga dipantau dengan teliti dan pengeluaran air akan dihentikan sekiranya tidak mematuhi piawaian.
- 5.2.13. Kesemua loji rawatan air di Malaysia mampu merawat air sungai yang mengandungi logam berat kelas III.
- 5.2.14. Terdapat perancangan untuk mengurangkan klasifikasi air sungai seluruh negara kepada kelas II untuk mengurangkan kos merawat air. Hujan di Malaysia, misalnya adalah diklasifikasikan sebagai Kelas II.
- 5.2.15. Dato" Dr. Jamil mencadangkan supaya setiap rumah dilengkapi dengan sistem penuaian air hujan dan mengadakan standard untuk merawat air yang telah digunakan (termasuk kumbahan) daripada rumah-rumah di mana orang awam dan kerajaan tempatan mempunyai peranan.
- 5.2.16. Sekiranya boleh untuk mengeluarkan dua jenis air kerana hanya 10% daripada bekalan air digunakan untuk air minuman manakala 90% adalah untuk kegunaan harian lain. Untuk mengadakan inisiatif ini, harus mempunyai 2 jenis paip untuk setiap rumah. Kerajaan Negeri hendaklah bekerja bersama pembekal air.
- 5.2.17. Proses dan kos untuk rawatan sendiri adalah contohnya apabila satu kawasan perumahan, satu kawasan estet, satu tangki air, buat tapisan asas yang kemudiannya dilepaskan kepada sumber air.
- 5.2.18. Malaysia menghadapi perubahan iklim yang drastik. Mereka perlu meningkatkan takungan air dan menggunakan air dengan lebih cermat.

Terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai penggunaan dan penyimpanan air.

5.2.19. Mereka tidak pernah ditemui oleh mana-mana ahli politik sebelum kenyataan berdasarkan kajian mereka dibuat. Ahli-ahli politik tersebut telah menghubungi mereka tetapi mereka tidak memberikan jawapan. Laporan tersebut adalah dalam domain awam.

5.2.20. Dato' Dr. Jamil juga mengatakan bahawa air lombong sedia ada mengalir ke dalam sungai secara semulajadi dalam jumlah yang sedikit. Dr. Aqeel mengatakan bahawa apabila hujan, air juga akan mengalir dan akhirnya masuk dan larut ke dalam air sungai. Kolam-kolam bekas lombong tersebut bukan terasing daripada sistem air.

### 5.3. PENEMUAN JAWATANKUASA

5.3.1. Prof. Dato' Dr. Mohd. Jamil Maah dan Dr. Muhammad Aqeel Ashraf hanya mengkaji 4 kolam daripada 85 kolam bekas lombong di Bestari Jaya.

5.3.2. Loji rawatan air konvensional di Malaysia mampu merawat air mentah setakat Kelas III dan sampel air lombong di Bestari Jaya berada dalam kategori Kelas III.

5.3.3. Penggunaan dan pelepasan air kolam bekas lombong adalah selamat sekiranya kapasiti atau jumlah air sungai mencukupi untuk mencairkan kepekatan sebarang logam berat dan keselamatan kualiti air setelah dirawat sentiasa dipantau oleh KKM sebelum disalurkan kepada pengguna.

## 6. PENDENGARAN TERTUTUP KETIGA SELCAT BERTARIKH 12HB OGOS 2014

6.1. Sebanyak 9 orang saksi yang hadir memberikan keterangan pada 12hb Ogos 2014 untuk menjelaskan operasi dan kapasiti perawatan air di pusat rawatan:

6.1.1. Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi  
EXCO Kerajaan Negeri Selangor

6.1.2. En Hj Md Khairi b. Selamat  
Pengarah LUAS

6.1.3. En. Mohd Nazifi b. Nawawi  
Penolong Kanan Alam Sekitar (LUAS)

6.1.4. En. Ahmad Latfi b. Mahamud  
Ketua Seksyen Air  
Jabatan Kimia Malaysia

6.1.5. En. Isalsi bin Jahro  
Penolong Pengarah,  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor ("JKNS")

6.1.6. Pn. Noor Jesfarina binti Janiad  
 Penolong Pengarah  
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

6.1.7. Pn. Nor Malisa Roslan  
 Penolong Pengarah  
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

6.1.8. Pn. Teh Yeok Sen  
 Puncak Niaga Sdn. Bhd.

6.1.9. En. Abd. Rashid Abd. Aatar  
 Puncak Niaga Sdn. Bhd.

## 6.2. KETERANGAN LUAS, JKM DAN JKNS

6.2.1. Paras air kolam hendaklah pada minimum 3.4m sebelum air boleh dipamkan dengan selamat ke dalam Sungai Selangor. Mereka mengesahkan bahawa ketika membuat ujian pensampelan mereka disertai JKM dan KKM. Semua data telah dimuatnaik ke Portal LUAS dan boleh dimuatturun oleh orang awam.

6.2.2. Loji rawatan air di Sungai Selangor mempunyai 5 loji; loji Rasah di Hulu Selangor, loji Rantau Panjang di aliran pertengahan sungai, di bawah adalah loji SSP 1, SSP 2, dan SSP 3. Kebanyakan kolam-kolam yang digunakan adalah untuk memenuhi keperluan SSP 1-3. Kesemua loji-loji ini membekalkan sekitar 60% bekalan air di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6.2.3. Pengoperasi loji Rasah, SSP1 dan 3 adalah di bawah kawalan SPLASH. Pengoperasi loji Rantau Panjang dan SSP 2 adalah di bawah kawalan Puncak Niaga Sdn. Bhd.

6.2.4. Menurut JKNS, pihak di KKM melaksanakan pensampelan air di

6.2.4.1. Muka sauk (intake) – kategori air mentah

6.2.4.1.1. Muka sauk loji rawatan air (LRA) terlibat adalah SSP1, SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang.

6.2.4.2. Treatment Plant Outlet (TPO) di loji rawatan air bagi kategori air terawat

6.2.4.2.1. TPO terlibat adalah di LRA SSP1, SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang.

6.2.4.3. Air sumber alternatif (lombong/kolam) yang telah disenaraikan oleh pihak LUAS bagi tujuan menambah kuantiti air mentah ke dalam Sungai Selangor.

6.2.5. Pada 23hb Julai 2014, pihak LUAS telah mengambil sampel air mentah di muka sauk (intake) LRA SSP3. Melalui analisis yang dijalankan oleh pihak

JKM, keputusan bagi parameter arsenik adalah 0.028ppm dan ianya adalah melebihi had<sup>1</sup> piawaian yang disarankan oleh KKM (0.01ppm). Keputusan tersebut dihantar pada 5hb Ogos 2014 kepada JKNS dan juga pihak LUAS melalui email yang sama daripada pegawai JKM. Piagam pelanggan tersebut adalah merujuk kepada piagam pelanggan JKM iaitu tempoh masa yang diambil untuk mengeluarkan laporan keputusan analisis kimia.

- 6.2.6. Apabila mendapati kolam semakin susut, maka KKM membuat cadangan di dalam emel supaya pengepaman dihentikan. Wakil LUAS mengesahkan bahawa tindakan yang diambil setelah laporan dibuat di SSP3 di mana air ini datang dari gabungan sungai empangan dan sebagainya.
- 6.2.7. Sekiranya paras arsenik di loji rawatan air tinggi, mereka akan menghantar mesej teks melalui WhatsApp kepada Pn Ziana untuk menghentikan pengepaman. Pada 17hb Julai 2014, pada masa tersebut LUAS tidak mengesan terdapat apa-apa pelanggaran piawaian arsenik dan keputusan ujian adalah di bawah had yang ditetapkan.
- 6.2.8. Pada 23hb Julai 2014 walaupun ujian tersebut dibuat dan keputusan didapati pada hari yang sama lazimnya keputusan ujian diterima secara lambat. Perbandingan dibuat antara air mentah di muka sauk dan titik pengeluaran air. Pada waktu tersebut, wakil LUAS menerima pandangan SPLASH yang mengatakan bahawa bekalan air adalah selamat walaupun keputusan ujian menunjukkan terdapat arsenik.
- 6.2.9. Pada 6hb Ogos 2014 setelah diuji sampel air didapati tidak terdapat pelanggaran sebarang piawaian, maka pengesanan arsenik itu adalah kes yang terpencil. Mungkin terdapat bahan cemar lain yang mengganggu keputusan tersebut.
- 6.2.10. Sekiranya paras kolam masih menyusut, adalah wajar untuk LUAS menghentikan pengepaman. Selepas emel bertarikh 11hb Ogos 2014, LUAS telah menghentikan pengepaman dari kolam yang berparas cetek/rendah ke Sungai Selangor. Persampelan yang dijalankan oleh pihak LUAS pada 23hb Julai 2014 menunjukkan tiada sebarang pelanggaran bagi parameter logam berat di kolam takungan. Pelanggaran yang dicatatkan adalah bagi sampel yang diambil di muka sauk SSP3.

### 6.3. KETERANGAN PUNCAK NIAGA SDN. BHD. (PNSB) DAN JKNS

- 6.3.1. PNSB bertanggungjawab untuk membekalkan air yang mengikut piawaian yang ditetapkan oleh KKM. PNSB juga bertanggungjawab untuk rawatan air yang dipam daripada lombong ke dalam sungai sebelum dibekalkan kepada pengguna.
- 6.3.2. PNSB komited untuk membekalkan air kepada pengguna dan isu air kolam ini juga diambil maklum dan prihatin kerana air ini akan sampai kepada

<sup>1</sup> Tiada had piawaian bagi air mentah ditetapkan oleh KKM, hanya terdapat piawaian yang disarankan. Ini berbeza dengan Had Piawaian Mutu Air Minum Kebangsaan yang telah digariskan oleh KKM.

Syabas dan diagih-agihkan kepada pengguna. Ujian air mentah dibuat secara berkala di muka sauk loji.

- 6.3.3. Untuk isu keselamatan air lombong, PNSB membuat pemantauan lebih kerap daripada setiap 3 bulan seperti yang disyorkan oleh KKM kepada sebulan sekali sehingga sekali seminggu dan setiap hari mulai 1 Ogos 2014. Sekiranya terdapat pelanggaran had piawai yang dibenarkan pada air mentah, PNSB akan menghubungi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara SPAN untuk kebenaran menghentikan operasi loji. PNSB memaklumkan bahawa tanggungjawab PNSB adalah bermula daripada muka sauk loji sehingga ke tangki pengimbang. Sumber air mentah pula adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor iaitu LUAS.
- 6.3.4. PNSB memaklumkan bahawa ujian air oleh PNSB adalah dilaksanakan oleh Makmal Pusat PNSB dan juga oleh makmal berkecuali yang dilantik. Bagi KKM pula, persampelan adalah dilakukan oleh JKNS manakala analisis adalah dijalankan oleh JKM.
- 6.3.5. Aktiviti persampelan air di bawah PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM (KMAM), KKM melibatkan persampelan air di semua muka sauk (intake) dan treatment plant outlet (TPO) di semua LRA di negeri Selangor, persampelan ini dipanggil persampelan rutin di bawah Program KMAM.
- 6.3.6. Aktiviti persampelan kolam takungan air alternatif dijalankan secara intensif atas permohonan dari pihak LUAS melalui KKM. Persampelan air kolam takungan yang dijalankan oleh JKNS ini akan berterusan selagi operasi pengepaman dijalankan oleh pihak LUAS.
- 6.3.7. Kekerapan persampelan adalah sekali seminggu bagi;
- 6.3.7.1. Kolam takungan (air mentah)
  - 6.3.7.2. Setiap intake Loji Rawatan Air (LRA) yang terlibat (SSP1, SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang)(air mentah)
  - 6.3.7.3. Treatment Plant Outlet LRA yang terlibat (SSP1, SSP2, SSP3 dan Rantau Panjang). (TPO-air terawat).
- 6.3.8. Tiada persampelan intensif di LRA Rasa berikutan LRA tersebut tidak mendapat bekalan tambahan dari kolam air takungan. Hanya persampelan rutin di bawah program KMAM sedia ada.
- 6.3.9. Operator bagi LRA SSP1 dan SSP3 adalah SPLASH manakala LRA SSP2 dan Rantau Panjang adalah PNSB.
- 6.3.10. PNSB memaklumkan bahawa semua LRA bawah jagaan PNSB adalah jenis konvensional dan berkeupayaan untuk merawat air yang biasa seperti ditetapkan oleh KKM. LRA yang sedia ada boleh merawat Besi (Fe) melalui pengudaraan dan ianya tidak berkeupayaan untuk merawat kandungan logam berat yang tinggi. Sehubungan itu, PNSB juga memaklumkan bahawa kandungan Besi (Fe) di dalam air mentah didapati meningkat dengan proses pengepaman air lombong sehingga pernah

mencatatkan bacaan sehingga mencecah 2.27 mg/L. Walau bagaimanapun, selepas proses rawatan, tiada pelanggaran dicatat di air terawat di mana-mana LRA PNSB.

- 6.3.11. PNSB juga memaklumkan bahawa sungai sememangnya mempunyai logam berat tetapi parasnya adalah rendah dan berdasarkan persampelan yang telah dilakukan selama 4 minggu, tiada pelanggaran logam berat dikesan di dalam air mentah dan air terawat.
- 6.3.12. Menurut JKNS, setakat 4 minggu persampelan dijalankan (merujuk kepada aktiviti pengepaman oleh pihak LUAS) terdapat hanya satu pelanggaran parameter Arsenik di muka sauk dicatatkan iaitu pada 23hb Julai 2014 bagi sampel yang diambil di SSP3. Persampelan tersebut dilaksanakan oleh pihak LUAS.
- 6.3.13. Daripada persampelan air yang dijalankan JKNS, terdapat pelanggaran arsenik di kolam takungan Hang Tuah 6 pada 10hb Julai 2014. Bacaan arsenik adalah 0.016ppm melebihi 0.006ppm daripada piawaian yang disarankan oleh KKM (0.010ppm).
- 6.3.14. PNSB memaklumkan bahawa terdapat satu pelanggaran aluminium yang berlaku di LRA SSP2 yang dikendalikan oleh PNSB tetapi ianya bukan disebabkan oleh kandungan air mentah yang berasal dari lombong. Sebaliknya pelanggaran tersebut berlaku akibat dari kekotoran (impurities) yang berasal dari pam. PNSB telah pun membuat cucian dan tiada pelanggaran berlaku selepas itu.
- 6.3.15. JKNS mengatakan bahawa terdapat pencairan setelah air kolam dicampurkan dengan air Sungai Selangor, oleh yang demikian tiada pelanggaran piawaian bagi air terawat dicatatkan bagi keempat-empat minggu persampelan dijalankan. Walau bagaimanapun terdapat satu (1) pelanggaran bagi air terawat bagi sampel yang diambil di TPO LRA SSP2 pada tarikh 15hb Mei 2014. Operator bagi LRA SSP2 adalah PNSB. Pelanggaran air terawat tersebut melibatkan parameter ferum, managanese dan aluminium.
- 6.3.16. Menurut JKNS, persampelan pada tarikh 15hb Mei 2014 adalah arahan dari Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia rentetan artikel akhbar New Straits Time bertarikh 7hb Mei 2014 yang mengatakan sumber air alternatif (bekas lombong) yang dipam masuk ke dalam Sungai Selangor oleh LUAS dikatakan mengandungi bahan toksik (logam berat) yang sangat tinggi.
- 6.3.17. PNSB menyatakan bahawa kesemua LRA di bawah seliaanya adalah LRA konvensional yang direkabentuk untuk rawatan kekeruhan dan pepejal terampai di dalam air dan ianya juga boleh merawat logam berat jika kandungannya mengikuti piawaian KKM. Contohnya sekiranya paras arsenik (As) di dalam air mentah adalah 0.01 mg/L yang merupakan piawaian KKM, ia boleh dikurangkan selepas rawatan kepada kurang daripada 0.01 mg/L yang mana ini memenuhi piawaian KKM. Sekiranya pencemaran dikesan dan

didapati pencemaran tersebut tidak mampu dirawat LRA, maka PNSB akan menghentikan operasi loji selepas mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) melalui panggilan telefon.

- 6.3.18. Menurut JKNS, piawaian bagi air mentah adalah piawaian yang disarankan, manakala piawaian bagi air terawat adalah had piawaian yang dibenarkan/ditetapkan oleh KKM.
- 6.3.19. Kandungan arsenik didapati tinggi di SSP 3 pada 23hb Julai 2014. Keputusan ujian air mentah adalah bagi parameter arsenik 0.028ppm di muka sauk SSP3 yang dikendalikan oleh SPLASH. Menurut wakil JKNS, keputusan ujian logam berat mengambil masa seminggu untuk dianalisis oleh JKM sebelum keputusan ujian dapat diedarkan.
- 6.3.20. Keputusan ujian air pada ketika itu (merujuk kepada persampelan air di muka sauk pada 23hb Julai 2014 oleh LUAS) tidak boleh disemak-silang dengan keputusan ujian air terawat memandangkan tiada sampel air terawat diambil pada tarikh tersebut. Wakil LUAS juga menghantar sampel kepada JKM kerana tidak mempunyai kemudahan menguji sampel tersebut.

#### 6.4. KENYATAAN Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI

- 6.4.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ada membuat mesyuarat bersama Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), LUAS, Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan semua operator dan kadang kala Jabatan Meteorologi yang berbincang setiap minggu. Antara perkara yang dibincangkan adalah kualiti dan isipadu air di empangan dan sungai. Perkara lain yang turut dibincangkan adalah mengenai pembenihan awan. Berdasarkan keputusan analisa yang terdapat di sini, paras piawaian di muka sauk sepertimana yang dimaklumkan kepada pihak LUAS, logam-logam berat hanya keluar keputusan dalam jangkamasa seminggu jadi sukar untuk membuat keputusan serta-merta.
- 6.4.2. Pembekalan pam adalah oleh Kerajaan Negeri dalam keputusan penggunaan air bekas-bekas lombong yang mempunyai air lebihan. Jumlah RM 10 juta bukan sahaja untuk pembelian pam-pam tersebut tetapi untuk keperluan berkaitan dengan operasi pengurusan air. Setakat ini segala pembelian diuruskan oleh JPS. Beberapa pam yang sudah dibeli daripada tatacara JPS untuk kawalan banjir daripada sumber syarikat-syarikat di Negeri Perak kini sudah beroperasi.
- 6.4.3. Pam-pam lama dari tebatan banjir sedang digunakan. Pam-pam yang digunakan di Selangor melalui Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), sebahagiannya di bawah operasi JPS manakala pam kapasiti besar yang dibeli dari luar negara belum sampai.
- 6.4.4. Mereka pernah membincangkan pembelian pam-pam dari Cina tetapi merasakan kualiti tidak bagus. Pam yang dibeli akan digunakan di Horas 600



kerana mempunyai kualiti tinggi walaupun El Nino yang telah berlalu sebagai persediaan untuk masa hadapan. JPS yang mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk pembelian pam kerana JPS yang mempunyai pengalaman dalam tebatan banjir. Kelambatan ketibaan pam-pam kapasiti tinggi memerlukan persiapan pemasangan yang mengambil masa.

6.4.5. Mereka telah membeli 10 unit dari Sweden dengan harga RM 275,000.00 seunit. Pam-pam dari Sweden tersebut dijangka akan sampai pada pertengahan Oktober tahun 2014. LUAS sudah mengeluarkan surat setuju terima kepada kontraktor yang dilantik dalam bulan Julai. RM 10 juta adalah peruntukan untuk program air keseluruhan termasuk pembelian, penyelenggaraan, pembenihan awan dan bukan untuk pam sahaja.

6.4.6. Perkara ini telah diuruskan Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di Selangor. Wakil LUAS tidak pasti bila pam-pam tersebut akan tiba. Nilai dan perolehan pam-pam tersebut juga tidak pasti. Pam-pam ini akan dikendalikan oleh JPS.

6.4.7. MMKN hanya memaklumkan kepada media sekali seminggu mengenai status air di negeri Selangor.

## **7. KENYATAAN SPLASH MELALUI E-MEL BERTARIKH 18HB SEPTEMBER 2014 KEPADA PENERUSI SELCAT**

7.1. SPLASH melalui e-mel bertarikh 18hb September 2014 yang dihantar kepada e-mel Puan Pengerusi SELCAT mengatakan bahawa mereka tidak dapat hadir pada tarikh pendengaran tertutup SELCAT bertarikh 7hb Ogos 2014 dan melampirkan surat bertarikh 4hb Ogos 2014 yang dihantar kepada En. Md. Khairi bin Selamat.

7.2. Mereka telah melampirkan laporan yang mengatakan bahawa menurut keputusan laporan rawak mingguan air mentah dan terawat SPLASH SSP1 dan SSP3 Bukit Badong pada 14hb Jun 2014 dan 27hb Jun 2014, kandungan air adalah selamat.

7.3. Pasukan SPLASH juga telah mengambil sampel air mentah di titik kemasukan air (Intake) SSP1 & SSP3 BB selain daripada mengambil sampel air rawatan di titik pengeluaran air (Output) setelah proses rawatan sebelum air terawat tersebut dilepaskan kepada sistem pengagihan SYABAS.

7.4. Sampel air mentah yang diambil di muka sauk adalah dari titik campuran/sumber bukan titik (termasuk efluen daripada perindustrian), oleh itu ianya adalah tidak adil untuk menyimpulkan dan menunjukkan mana-mana titik pelanggaran berasal daripada kolam bekas lombong sahaja.

7.5. SPLASH juga menguji kualiti air mentah dan terawat pada 5hb Jun 2014, pada hari tersebut LUAS membuat ujian percubaan lepasan air kolam sebelum kolam tersebut dimulakan untuk penggunaan lepasan-secara-permintaan dari 13hb Jun 2014 seterusnya.

- 7.6. Sebagai jaminan tambahan mengenai keselamatan kualiti air yang dibekalkan kepada pengguna, SYABAS dan KKM juga akan menentukan dan mengesahkan status kesihatan kualiti air terawat di dalam sistem pengagihan.
- 7.7. Tiada pelanggaran kepada kualiti air berlaku di dalam ujian sampel rawak bertarikh 14hb Jun 2014 sehingga 25 Ogos 2014 atau pada ujian pada 5hb Jun 2014.

## 8. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 8.1. Secara ringkasannya, pengurusan saliran air di negeri Selangor adalah seperti gambarajah di bawah:



- 8.2. Laporan akademik yang ditulis oleh Prof. Dato' Dr. Mohd. Jamil Maah dan Dr. Muhammad Aqeel Ashraf telah dipetik oleh Y.B. Charles Santiago tanpa pengesahan teliti ataupun penjelasan lanjut oleh pihak mereka.
- 8.3. Secara amnya air bekas lombong sememangnya mempunyai kandungan logam tetapi apabila bercampur dan dicairkan bersama air sungai DAN selepas dirawat adalah selamat untuk digunakan.
- 8.4. Selama ini, air lombong secara semulajadinya tetap mengalir ke dalam Sungai Selangor apabila hujan lebat tanpa sebarang usaha pengepaman.
- 8.5. KKM dan JKM telah memainkan peranan dan tanggungjawab bersama secara aktif bagi memastikan air lombong yang telah dirawat adalah selamat dan mematuhi piawaian KKM sebelum disalurkan kepada pengguna.
- 8.6. Modus operandi kesemua operator di loji rawatan air adalah menghentikan pengepaman sekiranya keputusan didapati melebihi piawaian yang ditetapkan untuk air mentah dan air terawat.
- 8.7. RM10 juta yang telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai langkah kecemasan untuk tujuan pengepaman air lombong adalah tidak tepat kerana pam-pam baru hanya dijangka tiba dalam bulan Oktober 2014 dan jumlah RM10 juta ini juga digunakan untuk program air keseluruhan termasuk usaha pembenihan awan.

- 8.8. Tuduhan bahawa penggunaan air lombong adalah tidak selamat yang telah berlanjutan dalam media sememangnya boleh ditangani dengan mudah dan cepat sekiranya MMKN mengambil langkah proaktif untuk berbincang dengan Ahli Parlimen Y.B. Charles Santiago dan Y.B. Wong Chen bersama pihak LUAS, KKM, JKM dan operator loji rawatan. MMKN lambat memberikan maklumat dan penjelasan yang boleh meyakinkan orang awam kerana tidak melibatkan pihak KKM dalam sidang akhbar mereka.

## 9. SARANAN JAWATANKUASA

- 9.1. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menjalankan usaha-usaha dan inisiatif untuk rehabilitasi dan pembersihan air kolam bekas lombong berdasarkan piawaian dan cara-pulih yang diterima badan saintifik antarabangsa.
- 9.2. MMKN dan LUAS hendaklah berkomunikasi dengan lebih terbuka dengan orang awam, pihak media, dan wakil-wakil rakyat dengan memberikan status air bukan sahaja di laman sesawang [www.luas.gov.my](http://www.luas.gov.my) tetapi juga melalui sidang media secara berkala setiap minggu dengan butir-butir terperinci bukan sahaja dalam bentuk jadual tetapi dalam bentuk yang mudah difahami orang awam. Ini akan memberikan maklumat terkini kepada seluruh rakyat di negeri Selangor dan mengurangkan masalah penyebaran maklumat yang tidak tepat.
- 9.3. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah juga mengambil perkhidmatan perunding luar yang bebas untuk memastikan bahawa penemuan kajian pakar-pakar kerajaan adalah tepat dan menggunakan teknik terkini yang selamat.
- 9.4. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah melihat kepada peningkatan peruntukan untuk pembelian dan penyelidikan teknologi pakar supaya loji rawatan air seluruh negeri menggunakan teknologi terkini dan mempunyai rawatan kapasiti piawaian kandungan logam berat dan mendapan pepejal lebih tinggi daripada loji rawatan air konvensional sedia ada iaitu Kelas III.
- 9.5. Proses analisis dan perhubungan antara badan-badan bertanggungjawab dalam menentukan kualiti air di negeri Selangor hendaklah dipertingkatkan supaya keputusan boleh didapati dengan serta merta demi kepentingan pengguna air rakyat Selangor.
- 9.6. Memandangkan proses pembelian pam didapati tidak sempat untuk mengatasi masalah El Nino satu audit hendaklah dilakukan untuk menerangkan mengapa kelewatan penghantaran pam-pam baru tersebut sehingga tidak sempat digunakan untuk langkah berjaga-jaga dan penyelesaian masalah bekalan air di Selangor.
- 9.7. Kerajaan Negeri Selangor harus meningkatkan usaha mendidik pengguna air di Selangor untuk tidak membazirkan air terawat dalam kegunaan seharian.
- 9.8. Kerajaan Negeri Selangor harus memulakan jawatankuasa teknikal untuk melaksanakan penuaian air hujan di tahap kerajaan tempatan untuk projek-projek pembangunan.

9.9. Kerajaan Negeri Selangor harus memperuktukkan satu dana untuk usaha pemuliharaan dan pemeliharaan air sungai supaya sungai-sungai di Negeri Selangor mencapai tahap kelas II dan sekurang-kurangnya tahap III.

9.10. Satu Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air di Negeri Selangor harus diwujudkan untuk memastikan krisis air di Selangor tidak berlaku lagi dan memantau usaha membekalkan air terawat yang mencukupi kepada pengguna di Selangor.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Hannah Yeoh, Pengerusi Jawatankuasa SELCAT, dan dibantu oleh Y.B. Saari Sungib telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 3hb November 2014.

Disahkan oleh :



.....

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Kecekapan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency- SELCAT)